

4 pekerja dituduh pecah amanah

B/HARIAN
19/3/19
MS 15

Alor Gajah: Empat wanita kakitangan kaunter tiket sebuah taman tema air dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tuduhan melakukan pecah amanah membabitkan kerugian kira-kira RM100,000 dalam kejadian tahun lalu.

Tertuduh, Farina Mohd Yusof, 24; S Lalitha, 27; Norlina Sulaiman, 35 dan Zainah Jenal, 42, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Ahmad Sazali Omar.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa bersama-sama sebagai kakitangan kaunter tiket taman air A'Famosa didapati membuat cetakan tiket pendua secara berulang kali tanpa pengetahuan dan kebenaran syarikat bernilai RM100,000.

Rayu ikat jamin dikurang

Perbuatan berkenaan dilakukan tertuduh di kaunter tiket taman tema air A'Famosa Alor Gajah, di sini, antara 1 hingga 30 April tahun lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 14 tahun, sebat dan denda jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Rohaiza Zainal, mencadangkan jumlah jamin RM30,000 diberikan setiap tertuduh.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu supaya jumlah jaminan dikurangkan dengan alasan perlu menanggung ahli keluarga. Mahkamah tetapkan 12 April depan sebagai tarikh sebutan semula kes.